



PERMOHONAN MENGGADAI TANAH (EDR)

CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN

DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

TATACARA PERMOHONAN

TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

SOALAN – SOALAN LAZIM (FAQS)


PERMOHONAN MENGGADAI TANAH (EDR)

CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN

DIBELI DI KAUNTER
PEMBAYARAN

ATAU

DIMUAT TURUN SECARA
PERCUMA




- Harga borang adalah **BND \$1.00 / set**
- Borang boleh dibeli di mana-mana Pejabat Tanah Daerah:

Daerah	Tempat
Brunei dan Muara	Tingkat 1, Jabatan Tanah
Tutong	Pejabat Tanah Daerah Tutong
Belait	Pejabat Tanah Daerah Belait
Temburong	Pejabat Tanah Daerah Temburong

1. Borang Menggadai Tanah (EDR):
<http://www.tanah.gov.bn/bm/SiteAssets/SitePages/Borang/Borang%20Permohonan%20Menggadai%20Tanah.pdf>



2. Borang Permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (*Land Search*):
<http://www.tanah.gov.bn/PublishingImages/SitePages/Forms/Borang%20Permohonan%20Mendapatkan%20Keterangan%20Tanah.pdf>



3. Borang Sekatan:
<http://www.tanah.gov.bn/bm/SiteAssets/SitePages/Borang/Borang%20Sekatan.pdf>

Nota: Sila pastikan borang yang dicetak adalah berwarna.

PERMOHONAN MENGGADAI TANAH (EDR)

DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL	DOKUMEN
1	Borang Permohonan bagi setiap pemilik tanah – 2 set (1 asal dan 1 salinan)
2	Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemohon yang belum luput tarikh mansuhnya – 2 salinan
3	Kad Pengenalan (Kad Pintar) isteri / suami pemohon yang belum mansuh – 2 salinan
4	Geran Tanah – 2 salinan Perhatian: Sila pastikan nama pemilik tanah dalam geran tanah adalah sama seperti yang tertera di dalam kad pengenalan. Jika terdapat perbezaan, sila hadapkan dokumen pengakuan (<i>Statutory Declaration</i>) dari Mahkamah dan menghadapkannya ke Bahagian Pendaftaran / cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan bagi pembedahan / penyelarasan
5	Resit Pembayaran Cukai Tahunan terkini bagi kesemua tanah-tanah yang dimiliki pemohon dan isteri / suami – 2 salinan
6	Resit Pembayaran Cukai Setem – 1 salinan
7	'Memorandum of Charge' yang telah dicop pembayaran cukai setem – 1 salinan
8	Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) pemohon dan isteri / suami (diperolehi dari Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah, Jabatan Tanah atau cawangan Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait atau Temburong) – 3 set (1 asal dan 2 salinan) Nota: Bagi mendapatkan Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO), pemohon dan pasangan hendaklah mengisikan Borang Permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (Land Search) untuk dihadapkan ke Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah (bagi Daerah Brunei dan Muara) atau cawangan Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait dan Temburong
9	Borang Sekatan (Pengakuan persetujuan dikenakan sekatan bagi menggadai tanah) yang telah ditandatangani di Mahkamah (jika pemohon tidak ada memiliki tanah lain selain daripada yang dipohonkan untuk digadaikan) – 1 asal dan 1 salinan
10	Jika permohonan untuk Pihak Ketiga: <ol style="list-style-type: none">1. 'Power of Attorney' dan 'Trust of Deed' ke atas pemilik tanah dan peminjam – 1 salinan2. Kad Pengenalan (Kad Pintar) Pemegang Kuasa dan Pemegang Amanah – 1 salinan
11	Bagi Menggadai untuk Modal Perniagaan: <ol style="list-style-type: none">1. Sijil Pendaftaran Syarikat Sec. 16 / 17 – 1 salinan2. Sijil Penubuhan Syarikat Persendirian – 1 salinan3. Borang 'X' – 1 salinan4. Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemegang-pemegang syarikat – 1 salinan seorang
12	Jika berkenaan sahaja: <ul style="list-style-type: none">• Perintah Mahkamah / Court Order (Bagi Pemecahan / Orang Kurang Upaya / Pentadbir / Di bawah jagaan)• Surat Perlepasan (Clearance Letter) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Besar bagi mana-mana pemilik tanah yang dikenakan kebangkrutan dan lain-lain.

**PERHATIAN: Sila pastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah terkini dan lengkap.
Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Pihak Jabatan Tanah.**

PERMOHONAN MENGGADAI TANAH (EDR)

TATACARA PERMOHONAN

1

Mendapatkan borang permohonan samada secara pembelian di kaunter pembayaran cawangan Pejabat Tanah Daerah (BND\$1.00 / set) atau dimuat turun secara percuma di laman sesawang Jabatan Tanah

2

Menghadapkan borang permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (*Land Search*) bagi mendapatkan Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) pemohon dan pasangan.

Borang boleh dihadapkan ke:

- Daerah Brunei dan Muara – Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah, Jabatan Tanah
- Daerah Tutong – Pejabat Tanah Daerah Tutong
- Daerah Belait – Pejabat Tanah Daerah Belait
- Daerah Temburong – Pejabat Tanah Daerah Temburong

3

Menyediakan dokumen – dokumen yang diperlukan dengan lengkap

4

Menghantar borang dan dokumen – dokumen yang lengkap ke cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan

PERMOHONAN MENUKAR SYARAT KHAS TANAH (EDR)

TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP


PERMOHONAN DIHANTAR MENGIKUT LETAK TANAH

Daerah Brunei dan Muara
Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara,
Tingkat 1, Jabatan Tanah

<https://www.google.com/maps/place/Land+Department/@4.925553,114.928171,521m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x0:0xcb340e93130e8bf7!8m2!3d4.9255534!4d114.9281713?hl=en>

Daerah Tutong
Pejabat Tanah Daerah Tutong

<https://www.google.com/maps/@4.807004,114.657951,521m/data=!3m1!1e3?hl=en>



Daerah Temburong
Pejabat Tanah Daerah
Temburong

<https://www.google.com/maps/place/Bangar/@4.7094455,115.0739496,524m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x3222853cd410242b:0x4be44ab34589e250!8m2!3d4.7127123!4d115.0762536>

Daerah Belait
Pejabat Tanah Daerah Belait

<https://www.google.com/maps/@4.586724,114.191396,261m/data=!3m1!1e3?hl=en>

SOALAN – SOALAN LAZIM

Soalan:

Adakah cukai tanah-tanah perlu dijelaskan sebelum membuat permohonan?

Jawapan:

Ya, cukai tanah-tanah perlu dijelaskan dan dibayar sebelum membuat mana-mana permohonan di Jabatan Tanah

Soalan:

Bolehkah tanah pajakan digadaikan?

Jawapan:

Ya boleh, tetapi hendaklah mengikut tempoh pajakan

Soalan:

Bolehkah tanah digadaikan lebih daripada sekali?

Jawapan:

Ya, tanah boleh digadaikan lebih daripada sekali menggunakan bank yang sama

